

Dari kiri: Serene, Maria, Dr. Kiranjit, Aireen dan Tehmina pada Forum Kandungan Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (CMCF) bersama Gabungan Pertubuhan Wanita Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCWO) baru-baru ini.



Oleh FATIN SHAHAR

PEMBABITAN wanita dalam kumpulan pentadbiran dan pengurusan amat penting untuk mencapai sesuatu keputusan yang berkualiti kerana pemikiran serta pandangan wanita berbeza dengan lelaki.

Jika ada suara yang mengatakan wanita sebagai ketua akan memimpin secara beremosi, pandangan ini tidak tepat sama sekali. Sebaliknya, golongan yang sering dipandang lemah dan remeh itu mampu mewujudkan ruang perbincangan sarat dengan pelbagai perspektif.

Saban hari, kehadiran wanita sebagai pembuat keputusan atau diberi peranan besar dalam pengurusan mula diutarakan. Bahkan, mendapat sambutan banyak pihak termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor awam dan korporat dalam kalangan pemegang taruh perniagaan.

Kehadiran wanita sebagai pembuat dasar menjadikan setiap keputusan yang dicapai lebih berkualiti, malah ia mewujudkan kesamaan gender serta diversiti dalam organisasi.

Sudah tiba masanya untuk memartabatkan darjat wanita dengan memastikannya peraturan lebih inklusif kepada wanita dan lelaki agar kehadiran mereka dalam sektor pekerjaan terus diperkasa.

Agenda *woman onboard* secara dasarnya amat membanggakan kaum wanita khususnya masyarakat tempatan.

Walaupun bagaimanapun, penelitian terperinci berkaitan agenda ini memaparkan sisi perjuangan yang masih belum selesai selain masih jauh lagi dari matlamat yang hendak dicapai.

Perjuangan ini bukan saja menjadi tanggungjawab kaum wanita, tetapi semua pihak yang ingin melihat generasi masa depan lebih terbelah.

Pengasas Leadwomen, Anne Abraham berkongsi pendapat, cabaran paling ketara dalam kepimpinan wanita adalah pemikiran stereotaip.

Menerusi pengalamannya menjadi pemimpin korporat dalam industri teknologi selama lebih 20 tahun, pelbagai penambahbaikan dalam meningkatkan wanita di kerusi kepimpinan tercapai.



Anne

Keserataan

Katanya, LeadWomen sejak 11 tahun lalu memainkan peranan penting membantu organisasi korporat dalam mencapai sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar dan keputusan.

Pada 1 Januari lalu, sebanyak 25.6 peratus wanita berada memegang jawatan lembaga pengarah syarikat dalam senarai awam di Bursa Malaysia (PLC).

Jelasnya, sejak 2016, organisasi itu membina rangkaian kukuh untuk membuka platform pencalonan



Emelia

Agenda perkasa wanita perlu dikaji

Lebih 30 peratus wanita tempatan kini menduduki kerusi lembaga pengarah 100 syarikat awam.

pengarah wanita layak disenaraikan sebagai ahli lembaga pengarah.

"Kami adalah organisasi pertama yang menawarkan perkhidmatan menyediakan sumber dan nasihat untuk pelantikan wanita ke dalam dunia korporat.

"Paling penting, kami mahu melihat keserataan gender diterapkan bagi membolehkan perniagaan dan ekonomi negara bergerak secara positif," jelasnya kepada Majoriti 7.

Ditanya tentang strategi untuk menggalakkan keterangkuman di tempat kerja, wanita yang mengidolakan bapanya itu memberitahu, terdapat empat elemen inklusif yang perlu diutamakan.

Pertama, dasar pelantikan atau pengambilan pekerja yang adil dan tidak berat sebelah.

Kedua, proses kenaikan pangkat atau promosi jawatan yang dinilai mengikut prestasi dan adil. Ketiga, pembayaran gaji yang sekata tanpa melihat pada gender.

Akhir sekali, katanya pembangunan wanita menerusi latihan.

Sementara itu, Lembaga Pengarah Bebas di Vitrox Corporation Berhad, Emelia Matrahah menjelaskan, sasaran kuota 30 peratus yang diutarakan relevan untuk pembabitkan GLC.

Katanya, peraturan diketengahkan itu bagaimanapun boleh membuatkan pengisian kedudukan atau jawatan diberikan ibarat sekadar melepaskan batuk di tangga.

Seharusnya, peraturan kuota diberikan dengan syarat mengikut kemampuan wanita yang memegang jawatan pemimpin dan membuat

dasar disandang. Kualiti lebih penting berbanding kuantiti.

Ramai wanita hebat dan bijak tetapi mereka tidak diberi peluang untuk mengembangkan sayap kerana stigma.

"Pada saya lebih baik fokus dengan kekalannya wanita di bidang kerja sehingga ke peringkat senior.

"Mereka yang berpengalaman boleh ditawarkan dengan kenaikan pangkat untuk memimpin," ujarnya.

Dilema

Hakikatnya, ramai wanita terpaksa meninggalkan kerja kerana budaya yang beranggapan mereka adalah ketua keluarga yang perlu memikul pelbagai tanggungjawab.

Senario ini menyebabkan wanita yang berpotensi dan berkemahiran sering berada dalam dilema, katanya yang banyak memberi khidmat nasihat dan motivasi untuk wanita kekal berkerjaya.

Malah, ada yang mengambil keputusan untuk berhenti kerja kerana mahu memberi tumpuan melakukan kerja-kerja domestik ataupun pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelayakan atau potensi mereka.

Penulis buku *From Timid To Bold* itu berpendapat, polisi dan kemudahan yang peka gender dilihat mampu menjamin golongan wanita profesional dan berkemahiran tinggi untuk kekal dalam pasaran pekerjaan khususnya tenaga pakar.

Penyediaan ekosistem pekerjaan dan kemudahan mesra wanita, penting bagi mengimbangi keperluan golongan itu sebagai pekerja lebih-lebih lagi

mereka yang berkeluarga.

"Antara kemudahan yang boleh majikan cadangkan adalah pusat penjagaan kanak-kanak di premis masing-masing untuk memudahkan pekerja wanita berkeluarga ini menguruskan keluarga tanpa perlu berhenti kerja.

"Selain itu, kemudahan bekerja dari rumah atau waktu kerja anjal diperkenalkan dapat membantu pekerja wanita yang berkeluarga untuk mengelakkan mereka berhenti kerja," katanya.

Cabaran

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching menekankan, perihal berkaitan kesaksamaan jantina dalam ruang digital.

Pencapaian wanita dalam alam digital sangat memberangsangkan. Namun, ujannya, perjalanan ini juga tidak terlepas daripada cabaran.

"Gangguan dan perbuatan salah guna dalam talian masih kekal sebagai cabaran penting yang memerlukan perhatian kolektif kita," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Kandungan Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (CMCF) bersama Gabungan Pertubuhan Wanita Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCWO).

Forum itu dianjurkan sempena Hari Wanita Sedunia 2024 dengan tema *Invest in Women: Accelerate Progress* bertujuan menyemarakkan semangat keterangkuman dan menyentuh isu berkaitan pengalaman wanita dalam ruang digital.

Lebih 100 peserta hadir ke Connexion Conference & Event Centre untuk dialog transformatif seperti Presiden (Pelaburan & Usaha Niaga) Capital A, Aireen Omar; wartawan penyiaran bebas, Tehmina Kaooji; Aktivistis Hak Wanita, Maria Abdullah dan Serene Lim, Peguambela dan Penyelidik dalam Keganasan Berasaskan Jantina Dalam Talian, Dr. Kiranjit Kaur dan lain-lain.

BUKAN fenomena baharu, budaya patriarki, lelaki masih memegang tampuk kekuasaan dan dominan masih menguasai masyarakat.

Faktor gender iaitu wanita terpaksa berhadapan dengan pandangan masyarakat yang kurang percaya terhadap kebolehan wanita dalam kepimpinan.

Dengan erti kata lain, jika wanita mahu menjadi pemimpin, seringnya di peringatkan tentang batasan dalam pelbagai bidang kerana tanggungjawab sebagai penjaga keluarga.

Di negara ini, sasaran untuk mempunyai 30 peratus Ahli Dewan Rakyat daripada kalangan wanita masih belum tercapai.

Ini merupakan indikator utama bahawa tahap keterlibatan wanita dalam kepimpinan tertinggi negara masih berada di tahap yang belum dapat dibanggakan atau masih rendah.



"Isu membabitkan golongan wanita ini banyak. Bukan hanya berkenaan kuota 30 peratus itu, tapi juga dari segi tenaga buruh dan peluang pekerjaan."

Norhimah Aziz, Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara (WIN)



"Walaupun sering dikaitkan dengan emosi, tetapi sebenarnya kemampuan wanita untuk berdepan cabaran adalah lebih kuat."

Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong, Profesor Madya Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)



"Wanita perlu sentiasa meningkatkan ilmu dalam bidang yang diceburi dan menyokong antara satu sama lain."

Prof. Dayang Anita Abdul Aziz, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan bagi Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) Malaysia



"Pemikiran wanita lebih kritikal dan abstrak manakala lelaki cenderung berfikir rasional. Jadi, kedua-dua kelebihan ini seharusnya dimanfaatkan untuk memajukan sesebuah organisasi."

Prof. Dr. Sharifah Sulaiha Syed Aznal, Dekan Pusat Pengajian Perubatan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)



"Kemampuan wanita untuk membuat keputusan lebih baik dan semakin meluas demi pembangunan masyarakat dan negara."

Prof. Madya Dr. Halima Sakdiah Minhat, Pengarah Institusi Penuaan Universiti Putra Malaysia (UPM)



"Pelbagai kemajuan dibuat untuk memperjuangkan kesetaraan gender dan meningkatkan perwakilan wanita dalam pembuat dasar serta pengurusan."

Ts. Dr. Rohana Zur, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan, Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) & Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam



"Pembabitkan wanita di peringkat pembuat dasar dan keputusan seharusnya terbuka kepada semua termasuk bidang ekonomi. Kuota 30 peratus adalah sasaran awal yang logik."

Datuk Azlin Ahmad Shaharbi, Mantan Presiden Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan dan Profesion Malaysia (Peniagawati)